

Tiada 'Isu Kebangsaan' Perlu Dibincang Dengan Anwar Ibrahim - Tengku Adnan Bernama
31 Ogos, 2013

PUTRAJAYA, 31 Ogos (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata tiada sebarang 'isu-isu kebangsaan' yang perlu dibincangkan antara Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan.

"Segala-galanya semata-mata tentang politik dan jika beliau (Anwar) mahu berbincang, beliau perlu membawa perkara ini ke Parlimen.

"Pada beliau, segala-galanya hanyalah tentang politik. Mengapa sekarang, setelah mereka mempertikaikan keputusan (pilihan raya) malah Suruhanjaya Pilihan Raya?" katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan 10 tahun Cruise Tasik Putrajaya di sini Sabtu.

Sambil mempertikaikan cadangan Anwar itu, Tengku Adnan yang juga Menteri Wilayah Persekutuan berkata pembangkang tidak pernah ikhlas dalam setiap perbuatan dan perkataan mereka.

Anwar, yang juga Penasihat PKR seperti dilaporkan sebuah portal berita, mencadangkan supaya dialog terbuka dengan kerajaan diadakan bagi membincangkan 'isu-isu kebangsaan' yang perlu ditangani atas semangat merdeka.

Di MELAKA, Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata Barisan Nasional (BN) tidak perlu melayan hasrat Anwar untuk bertemu bagi membincangkan beberapa perkara membabitkan kepentingan rakyat dan negara.

Bekas Ketua Menteri Melaka itu berkata rakyat telah memilih BN sebagai kerajaan melalui Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) untuk berkhidmat kepada mereka.

Katanya pembangkang sebaliknya boleh menyuarakan sebarang isu membabitkan kepentingan rakyat dan negara di Parlimen untuk dibahas dan diputuskan oleh Anggota Parlimen.

Mengulas lanjut Mohd Ali berkata usaha ketua pembangkang itu dilihat bertujuan mengalihkan perhatian rakyat terhadap pembohongan parti tersebut pada PRU13 lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974178>